

30 peratus calon-calon UMNO Perak muka baru

IPOH, Selasa — UMNO akan bertanding di 24 kawasan Dewan Negeri dan 10 kawasan Parlimen di Perak dalam pilihanraya umum tahun depan.

Sementara MCA mendapat 8 kerusi Dewan Negeri dan enam kerusi Parlimen, Gerakan empat negeri dan dua Parlimen, MIC dua negeri dan satu Parlimen dan PPP empat negeri dan satu Parlimen.

Satu kawasan Parlimen akan ditandingi oleh Haji Hassan Adli atas nama penyokong Barisan Nasional.

Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad membuat pengumuman ini selepas perjumpaan khas dengan wakil-wakil komponen Barisan Nasional di pejabat UMNO di sini, semalam.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Ketua Perhubungan UMNO Perak mengesahkan bahawa Menteri Besar Perak, Wan Mohammad bin Haji Wan Teh tetap akan bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri.

Bertanding

Wan Mohammad dipercayai bertanding di kawasan lamanya di Temenggor.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, 30 peratus daripada calon-calon UMNO adalah muka baru.

Tiga ahli wanita UMNO akan turut bertanding, dua di kawasan Dewan Negeri dan satu di peringkat Parlimen.

Pengumuman Dato Seri Dr. Mahathir hari ini menunjukkan UMNO telah mendapat tiga lagi kerusi berbanding dengan pilihanraya tahun 1974.

Difahamkan, kerusi-kerusi yang diambil oleh UMNO itu ialah Bota, Lubok Merbau dan Gunung Semanggol — semuanya kerusi Dewan Undangan Negeri.

Lubok Merbau dan Gunung Semanggol dulunya diduduki oleh wakil PAS sementara Bota diduduki oleh wakil Berjasa.